



PR1MA SEMARAKKAN NILAI KOMUNITI, RAIKAN 70 ANAK YATIM MELALUI PROGRAM IHYA' RAMADAN

PETALING JAYA, 13 Mac 2026 – Seramai 70 orang anak yatim diraikan dalam suasana sederhana tetapi meriah bersama warga kerja Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) menerusi penganjuran Program Ihya' Ramadan yang berlangsung di Ibu Pejabat PR1MA semalam.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) PR1MA dalam menyemarakkan semangat kebersamaan serta nilai keprihatinan dalam kalangan warga organisasi, di samping berkongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Persatuan Anak Yatim dan Ibu Tunggal Nur Hikmah, Pertubuhan Rahoma Darul Fakir Malaysia serta Persatuan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Damai diraikan pada majlis berbuka puasa anjuran PR1MA ini.

Program ini turut diserikan dengan tazkirah ringkas bertajuk Puasa Membentuk Akhlak, Iman Memimpin Amal sebelum para tetamu menunaikan solat Maghrib dan solat Tarawih secara berjemaah.

Pengerusi PR1MA, Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz, berkata, “Melalui program ini, PR1MA bukan sahaja berpeluang berkongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan, malah turut menyemai semangat kebersamaan serta kasih sayang dalam kalangan warga Perbadanan dan komuniti.”

Tambahnya, “PR1MA sentiasa komited untuk memainkan peranan yang lebih luas dalam pembangunan masyarakat, selari dengan tanggungjawab sebagai agensi yang diamanahkan untuk menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat Malaysia.”

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA, Ts. Brian Iskandar Zulkarim berkata, “Penganjuran Program Ihya' Ramadan ini mencerminkan komitmen PR1MA untuk menyumbang kembali kepada masyarakat. Pada masa yang sama, Ramadan memberi ruang kepada kita semua untuk melakukan refleksi diri dan memberi fokus kepada keutamaan kita dalam kehidupan. Bulan ini mengingatkan kita tentang nilai kesyukuran, kesederhanaan serta kepentingan untuk sentiasa berbuat baik kepada orang lain.”

Melalui penganjuran Program Ihya' Ramadan ini, PR1MA berharap dapat mengukir senyuman di wajah anak-anak yang diraikan serta terus menyemarakkan budaya berkongsi, membantu dan menyantuni masyarakat, selari dengan aspirasi untuk membina komuniti yang harmoni, inklusif dan sejahtera.

**JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
PERBADANAN PR1MA MALAYSIA**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Huda Zafirah A Rashid (huda.zafirah@pr1ma.my / +6013 444 1189)

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013 702 9740)